

30/4/19

Ekonomi Malaysia mampu berdepan kejutan luaran

Bank Dunia menegaskan ekonomi Malaysia berupaya berdepan sebarang kejutan luaran yang mendatang memandangkan asas ekonominya yang kukuh.

Pengurus Negara bagi Malaysia, Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia, Dr Firas Raad, berkata pasaran modal Malaysia yang mendalam dan kepelbagaian ekonomi menyokong kepada ketahanan ekonomi negara ini.

Beliau berkata, lebih akaun semasa dan permintaan yang kukuh adalah petunjuk positif yang menyokong kemampuan ekonomi Malaysia.

“Semua ini menunjukkan pengukuhan ekonomi Malaysia dan (ia) berupaya berdepan kejutan mendatang,” katanya ketika ditemui pada Persidangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia-Bank Dunia-Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO) Hab Asia Pasifik 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai tinjauan ekonomi dan pasaran modal Malaysia tahun ini.

Kekal unjuran KDNK 4.7 peratus


Minggu lalu, Bank Dunia mengumumkan mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi 2019 pada 4.7 peratus dipacu oleh penggunaan swasta.

Melangkah ke 2020, Bank Dunia mengunjurkan ekonomi Malaysia akan berkembang sebanyak 4.6 peratus dan negara ini dijangka mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2024.

Sementara itu, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Syed Zaid Albar dalam ucapamannya pada persidangan itu, berkata potensi kewangan Islam dalam membolehkan keterangkuman kewangan yang mantap adalah besar.

Beliau berkata, kewangan Islam mempunyai peranan penting dalam memenuhi keperluan orang Islam bagi mendapatkan perkhidmatan kewangan berlandaskan Syariah.

Justeru, katanya peserta kewangan Islam perlu mencarta hala tuju jelas bagi memastikan kewangan Islam memberi manfaat yang dimahukan kepada masyarakat dan kekal mapan dalam jangka panjang.



Pasaran modal Malaysia yang mendalam dan kepelbagaian ekonomi menyokong kepada ketahanan ekonomi negara ini”

Firas Raad,

Pengurus Negara bagi Malaysia,
Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia